

06 JUL 2003

Multaqa

MULTAQA ULAMA CARI JALAN BINA SEMULA KEKUATAN UMAT ISLAM

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

PUTRAJAYA, 6 Julai (Bernama) -- Tokoh-tokoh besar dan pemikir Islam yang akan menghadiri Multaqa Ulama Sedunia di sini dari 10 hingga 12 Julai ini, akan merumuskan satu pelan bertindak bagi membangunkan semula kekuatan ummah setelah maruah Islam kini tercabar.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman, menganggap multaqa itu sebagai titik tolak kepada usaha memperkukuhkan pegangan umat Islam kepada agama mereka di samping meningkatkan kemampuan mereka menguruskan segala cabaran di era globalisasi.

"Pertemuan ini bukan pertemuan yang seperti biasa dilakukan mengenai Islam kerana ia akan membincangkan segala permasalahan tentang masa depan dan kehidupan umat Islam," katanya dalam satu temubual dengan Bernama di sini.

Dr Abdul Hamid menjangka ucapan perasmian oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lain dan tidak bukan akan menyentuh bagaimana membina semula kekuatan satu ummah yang kini dihina sebegitu rupa, seperti yang berlaku apabila Iraq dengan sewenang-wenangnya dicerobohi kuasa asing tanpa dunia Islam mampu berbuat apa-apa.

"Kedudukan umat Islam mestilah difikir supaya mereka terselamat daripada pelbagai ancaman baik dari luar atau dalam, termasuk umat Islam sendiri yang boleh melemahkan umat Islam sehingga boleh menyebabkan mereka dikuasai oleh orang lain," katanya.

Multaqa yang akan dihadiri hampir 700 peserta termasuk 85 ulama dan cendekiawan dari seluruh dunia. Antara mereka ialah ulama terkemuka Mesir, Dr Mohammad Sayyed Tantawi, yang juga Sheikh Al-Azhar.

Selain golongan ulama, peserta tempatan juga terdiri daripada kalangan intelek dan profesional, pegawai kerajaan dan pensyarah universiti.

"Mereka yang dijemput terdiri daripada apa yang dipanggil "agents of change" (ejen perubahan) yang mampu menyebarkan pemikiran Islam ke arah membawa perubahan ummah," kata Dr Abdul Hamid.

Multaqa yang bakal berlangsung di Hotel Marriott Putrajaya itu akan membincangkan 25 kertas kerja mencakupi aspek agama, politik, ekonomi, pembangunan dan sosial.

Antara kertas kerja yang dijangka menarik perhatian ialah yang memperkatakan tentang salah faham mengenai agama, perkembangan ideologi ekstrim dalam masyarakat Islam serta peranan pembangkang di sesebuah negara Islam.

Ketika ditanya tentang salah faham mengenai Islam yang menyebabkan umatnya berpecah, Dr Abdul Hamid berkata sememangnya ini menjadi kekhawatiran seperti yang seringkali diluahkan oleh Dr Mahathir.

"Beliau pernah berkata tentang perlunya umat Islam kembali kepada ajaran asas dalam Islam, fundamentals. Dr Mahathir pernah menyebut dirinya sebagai fundamentalis tetapi fundamentalis bukan ertinya pengganas.

"Jadi semua salah faham ini mesti diperbetulkan. Perpaduanlah yang menjadi antara asas paling kuat dalam menentukan jatuh bangun umat Islam," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata kembali kepada ajaran Islam sebenar turut bermaksud pentingnya umat Islam memperkasakan pencapaian ilmu dan teknologi serta mempunyai keupayaan menguruskan anugerah sumber semula jadi dan sumber manusia.

Namun, katanya, ada umat Islam di Malaysia tidak menganggap apa yang diusahakan oleh kerajaan untuk membangunkan kekuatan ilmu dan teknologi dan

menjana pembangunan sebagai kerja agama.

"Kita dapati ada orang kita yang berkata `umur saya dah tua, tak dapatlah nak sokong kerajaan lagi kerana saya mahu menghadapi hari akhirat pula'.

"Jadi seolah-olah kerja yang kita buat dalam negara ini bukan kerja agama. Inilah antara salah faham yang berlaku," kata Dr Abdul Hamid.

Hasil daripada multaqah itu, sebuah sekretariat tetap akan ditubuhkan bagi membolehkan segala pemikiran ulama dijadikan panduan dalam kehidupan masyarakat Islam di pelbagai tempat.

Dr Abdul Hamid berkata penubuhan sekretariat itu pada dasarnya telah dipersetujui tetapi perkara itu akan diperhalusi oleh satu kumpulan kecil pada multaqah itu nanti.

-- BERNAMA
MAM KHY MAI